



**DR.4 TAHUN 2021  
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS  
PENGKAL KETIGA**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
(PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**AMANAH RAYA BERHAD**

- **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF) / AMANAH RAYA BERHAD (ARB)**

## **AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 14**

1. YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Pengerusi*
2. YB. Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort] - *Naib Pengerusi*
3. YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
4. YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
5. YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]
6. YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Lumut]
7. YB. Dato' Jalaluddin bin Alias [Jejebu]
8. YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
9. YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
10. YB. Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang]
11. YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
12. YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
13. YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]
14. YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]
15. YBrs. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin - *Setiausaha PAC / Setiausaha Dewan Rakyat*

### **WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)**

1. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
2. Unit Perancang Ekonomi (EPU)
3. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Jabatan Peguam Negara (AGC)
6. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
7. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)

**LAPORAN**  
**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>1</b>	<b>LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG AMANAH RAYA BERHAD (ARB)</b>	<b>1 - 41</b>
<b>2</b>	<b>RUMUSAN &amp; SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN</b>	<b>42 - 43</b>
<b>3</b>	<b>AGENDA MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN</b>	<b>-</b>
<b>4</b>	<b>LAPORAN PROSIDING</b>	<b>-</b>
<b>5</b>	<b>DOKUMEN PEMBENTANGAN</b>	<b>-</b>



# **GLOSARI**

## GLOSARI

ARB	Amanah Raya Berhad
MOF	Kementerian Kewangan
LKAN	Laporan Ketua Audit Negara
PAC	Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara
JAN	Jabatan Audit Negara
KWB	Kumpulan Wang Bersama
KSP	Ketua Setiausaha Perbendaharaan
MD	Pengarah Urusan
EPU	Unit Perancang Ekonomi
JPM	Jabatan Perdana Menteri
JANM	Jabatan Akauntan Negara
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
AGC	Jabatan Peguam Negara
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
MKD	Menteri Kewangan (Diperbadankan)
Akta 532	Akta Perbadanan Amanah Raya 1995
KPI	Indeks Petunjuk Prestasi
SOP	Prosedur Operasi Standard
ARIMSB	Amanah Raya Investment Management Sdn. Bhd.
SC	Suruhanjaya Sekuriti
GDV	<i>Gross Development Value</i>
GMD	Pengarah Urusan Kumpulan
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan
JIM	Jabatan Imigresen Malaysia
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
EDMS	<i>Electronic Data Management System</i>
SWAP	Sistem Wasiat Amanah Pusaka



**GAMBAR PROSIDING**









**LAPORAN**  
**JAWATANKUASA KIRA-KIRA**  
**WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
(PAC) PARLIMEN BERHUBUNG  
AMANAH RAYA BERHAD  
DI BAWAH KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)/AMANAH RAYA  
BERHAD (ARB)**

**1. PENDAHULUAN**

Amanah Raya Berhad (ARB) di bawah Kementerian Kewangan (MOF) adalah sebahagian daripada penemuan audit dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2019 Siri 1 Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan yang dibentangkan di Parlimen pada 24 Ogos 2020.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen memutuskan untuk membincangkan mengenai isu ini pada 3 Ogos 2021 iaitu dalam Prosiding Bilangan 3(a) dan 3(b) Tahun 2021.

## **2. OBJEKTIF PERBINCANGAN**

Selaras dengan mandat yang diberikan di bawah Peraturan Mesyuarat (PM) 77(1)(c) dan 83(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Arahan Perbendaharaan 304(a), PAC Parlimen telah membincangkan penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) Amanah Raya Berhad di bawah MOF bertujuan untuk mengkaji dan meneliti sama ada pencapaian objektif penubuhan ARB sebagaimana mandat diberikan melalui pengurusan dana Kumpulan Wang Bersama (KWB) serta pengurusan amanah dan pusaka dengan cekap, berkesan dan berhemat, amalan tadbir urus korporat yang baik dan prestasi kedudukan kewangan yang kukuh.

## **3. SKOP DAN METODOLOGI**

3.1 Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- i. memanggil pihak yang berkepentingan dalam pengurusan ARB iaitu Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) MOF dan Pengarah Urusan (MD) ARB untuk memberi keterangan mengenai peranan dan penglibatan mereka dalam isu yang dibincangkan; dan

- ii. menjemput wakil daripada agensi Kerajaan Persekutuan seperti MOF, Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri (JPM), Jabatan Audit Negara (JAN), Jabatan Akauntan Negara (JANM), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Peguam Negara (AGC), dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menghadiri prosiding PAC Parlimen berhubung isu ini.

3.2 Ahli PAC YB Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor juga merupakan Pengerusi ARB dan telah mengecualikan kehadiran dan penglibatan beliau dalam prosiding ini.

3.3 Prosiding yang telah diadakan adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH / MASA	RUJUKAN PROSIDING	SAKSI
1.	3 Ogos 2021 / 10.30 pagi	Bil. 3(a)/2021	i. Jabatan Audit Negara: - YBhg. Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid, Ketua Audit Negara
2.	3 Ogos 2021 / 11.30 pagi	Bil. 3(b)/2021	i. Kementerian Kewangan: - YBhg. Dato' Asri bin Hamidon, Ketua Setiausaha Perbendaharaan ii. Amanah Raya Berhad - YBrs. Encik Azmeen bin Adnan

## 4. LATAR BELAKANG

4.1 ARB merupakan syarikat yang diperbadankan pada 29 Mei 1995 dan merupakan syarikat Berhad menurut syer milikan penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan) (MKD). Pada Julai 2020, ARB telah diletakkan di bawah MOF. Antara lain objektif ARB adalah untuk

mentadbir harta pusaka, pemegang amanah bagi individu bawah umur, orang awam dan mengurus skim unit amanah dan menguruskan dana amanah. Setakat 2020, ARB memiliki jumlah modal berbayar berjumlah RM6 juta dalam bentuk saham sebagai suntikan modal tanpa menerima geran atau pinjaman daripada kerajaan.

4.2 Aktiviti utama ARB adalah perkhidmatan pewarisan yang terdiri daripada pentadbiran amanah, pusaka dan pentadbiran wasiat. ARB juga menguruskan dana amanah dan pusaka serta memperoleh fi daripada pengurusan perkhidmatan sebagai sumber pendapatan yang diuruskan oleh syarikat subsidiari ARB iaitu AmanahRaya Trustees Berhad. Pengurusan dana amanah dan pusaka tersebut diterima dalam akaun yang berasingan iaitu akaun Kumpulan Wang Bersama (KWB).

4.3 Seksyen 24 Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akta 532) membenarkan ARB selaku pemegang amanah untuk melaburkan wang ke dalam KWB. Dana-dana yang diterima oleh ARB termasuk wang dan modal yang ada bagi pelaburan yang dipegang oleh ARB selepas tarikh yang ditetapkan hendaklah dilaburkan dalam apa-apa pelaburan yang dibenarkan oleh undang-undang menurut Seksyen 25 Akta 532. Pelaburan KWB diuruskan oleh AmanahRaya Investment Management Sdn Bhd dan AmanahRaya-Kenedix REIT Manager Sdn. Bhd.

## **5. PERBINCANGAN DAN PENEMUAN PAC PARLIMEN**

Sesi perbincangan dimulakan dengan penjelasan awal mengenai isu yang berkenaan oleh Ketua Audit Negara kepada PAC Parlimen.

Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu KSP MOF dan MD ARB dipanggil untuk memberikan keterangan. Perkara yang dibincangkan secara umumnya diringkaskan seperti berikut:

### **5.1. Penjelasan Awal Oleh YBhg. Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid (Ketua Audit Negara)**

Ketua Audit Negara telah memaklumkan bahawa ARB telah diperbadankan pada 29 Mei 1995 dan merupakan syarikat Berhad menurut syer milikan penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan). Objektif ARB adalah untuk mentadbir harta pusaka, pemegang amanah bagi individu bawah umur, orang awam dan mengurus skim unit amanah dan menguruskan dana amanah.

KWB telah ditubuhkan di bawah Akta 532 yang berfungsi sebagai medium pelaburan berdasarkan Seksyen 24 Akta 532 yang membenarkan ARB selaku pemegang amanah untuk melaburkan apa-apa wang dan modal yang ada bagi maksud pelaburan yang dibenarkan oleh undang-undang.

Pada 31 Disember 2019, modal dana KWB adalah berjumlah RM5.898 bilion. Dana ini merangkumi tiga komponen iaitu dana amanah institusi dan agensi berjumlah RM4.3 bilion, dana daripada

bukan institusi berjumlah RM1.198 bilion dan dana tertanggung iaitu pusaka dan amanah yang masih belum dituntut berjumlah RM399 juta.

PAC dimaklumkan mengenai tujuh penemuan audit ke atas ARB yang secara ringkasnya merangkumi perkara-perkara seperti berikut:

- i. Pindaan polisi dibuat tanpa kelulusan lembaga pengarah;
- ii. Dana modal KWB telah mengalami defisit sejak 2003;
- iii. Kerugian yang nyata bagi pelaburan 11.3% daripada keseluruhan dana modal
- iv. Agihan pendapatan kepada pemegang amanah melebihi pendapatan bersih selama tujuh tahun kewangan;
- v. Pengurusan dana KWB tidak diambil kira sebagai Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) tahunan syarikat walaupun pelan tindakan pemulihan KWB adalah sebagai salah satu pelan utama pelan strategik ARB bagi tahun 2017 hingga 2022;
- vi. Tiada spesifikasi bilik fail yang ditetapkan serta bilik fail yang tidak dilengkapi dengan kawalan keselamatan dan alat pencegahan dan pengesanan kebakaran; dan
- vii. Dana tertanggung masih belum disalurkan kepada waris dan menunjukkan peningkatan sebanyak 59.8 peratus bagi tempoh tahun 2016 hingga 2019.

## **5.2 Keterangan YBhg. Dato' Asri bin Hamidon, KSP MOF**

YBhg. Dato' Asri bin Hamidon telah memaklumkan bahawa ARB mempunyai 21 cawangan di seluruh Malaysia, 17 anak syarikat dan dua syarikat bersekutu yang mempunyai kepakaran khusus dalam bidang pasaran modal, pengamanahan korporat, pengurusan aset

dan dana pelaburan hartanah. Pelaksanaan aktiviti perkhidmatan pewarisan dilaksanakan di peringkat ARB manakala pelaburan dana KWB dilaksanakan melalui syarikat subsidiari.

PAC dimaklumkan bahawa ARB perlu memantapkan lagi aktiviti utama seperti KWB, pengurusan amanah dan pengurusan pusaka berdasarkan penemuan audit. Penambahbaikan juga diperlukan daripada segi Prosedur Operasi Standard (SOP) syarikat sedia ada seperti yang dibangkitkan JAN.

### **5.3 PENEMUAN PAC PARLIMEN**

Penemuan PAC Parlimen adalah seperti berikut:

#### **5.3.1 Tadbir Urus Korporat: Pindaan Polisi Tanpa Kelulusan Lembaga Pengarah**

Bagi isu pindaan polisi tanpa kelulusan Lembaga Pengarah ARB, PAC telah dimaklumkan dengan perkara-perkara berikut:

- i. **YBrs. Encik Azmeen bin Adnan (MD Kumpulan ARB) dalam prosiding Bil. 3(b) / 2021 bertarikh 3 Ogos 2021** menjelaskan bahawa JAN telah mendapati pindaan Polisi Arahan Syarikat (Urus 01) adalah tidak selaras dengan Piagam Lembaga Pengarah. Selepas penemuan audit, tindakan telah diambil oleh ARB dengan menggantikan Polisi Arahan Syarikat (Urus 01) dengan Polisi Tadbir Urus AmanahRaya yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 11 Disember 2020.



Penemuan audit mendapati tujuh pindaan polisi berkaitan kewangan, sumber manusia dan korporat yang disyorkan oleh Jawatankuasa Arahan Syarikat supaya dikemukakan kepada Lembaga Pengarah masih belum diluluskan.

Selepas penemuan audit, ARB telah mengambil tindakan yang mana dua daripada tujuh pindaan polisi tersebut iaitu polisi penggunaan identiti korporat dan pengisytiharan harta oleh pegawai ARB telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Bagi lima (5) polisi yang dalam proses pengubahan, draf polisi telah disediakan dan sedang menunggu kelulusan di peringkat pengurusan. Setelah diluluskan di peringkat pengurusan, barulah draf pindaan polisi tersebut boleh dibawa ke peringkat sub-jawatankuasa Lembaga Pengarah sebelum dibawa untuk mendapatkan kelulusan akhir Lembaga Pengarah.

- ii. **YBrs. Encik Kanakarajah a/l Muthusamy (Ketua Bahagian Pematuhan, Integriti dan pengurusan Risiko, ARB) dalam prosiding Bil. 3(b) / 2021 bertarikh 3 Ogos 2021** menjelaskan tujuh (7) pindaan polisi telah diputuskan oleh Jawatankuasa Arahan Syarikat sebelum tahun 2018. Namun demikian, pindaan polisi tersebut masih belum dibawa kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan kerana draf pindaan polisi tersebut perlu dibentangkan kepada sub-jawatankuasa Lembaga Pengarah untuk kelulusan terlebih dahulu. Tujuh (7) pindaan polisi yang dimaksudkan masih belum berkuat kuasa.

Antara faktor yang menyebabkan kelewatan pembentangan pindaan polisi adalah disebabkan oleh pegawai yang bertanggungjawab masih belum membentangkannya kepada sub-jawatankuasa Lembaga Pengarah, yang akan memutuskan sama ada sesuatu polisi itu boleh dipertimbangkan.

*“Tuan Pengerusi: ... Before 2018 you all already have these seven pindaan polisi. Which already in place... How does it take another three years, ada lima lagi yang belum dibentangkan lagi?”*

*Kanakarajah a/l Muthusamy: Because one of the reasons is i think ... the officer in charge has not brought to the committee. Officer in charge. And because when we bring it to the committee, the committee have to decide whether we really want to consider the policy or the subcommittee might decide not to consider the policy ... may want to ... have only SOP. So, that is the reason why.”*

[m/s 9 Hansard bertarikh 3 Ogos 2021 Bil. 3(b) / 2021]

- iii. **YBrs. Tuan Haji Roslan bin Abu Bakar (Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat), JAN) dalam prosiding Bil. 3(b) / 2021 bertarikh 3 Ogos 2021** menjelaskan bahawa pengauditan yang dijalankan adalah berdasarkan kriteria dalam *MKD Handbook* yang menyenaraikan garis panduan bagi pengurusan yang baik termasuk polisi-polisi yang perlu diwujudkan oleh syarikat.

Semasa proses pengauditan, terdapat polisi-polisi yang telah disenaraikan dalam *MKD Handbook* tidak diamalkan di ARB dan ini boleh mengakibatkan kesukaran dalam melaksanakan amalan tadbir

urus yang baik. Ketiadaan polisi yang lengkap memberi ruang terhadap salah laku atau penyelewengan. Oleh kerana itu, pihak JAN telah membangkitkan perkara berkaitan polisi ini agar polisi-polisi seperti yang disenaraikan dalam *MKD Handbook* dapat disediakan oleh ARB.

### **5.3.2 Tadbir Urus Korporat: Polisi Pelaburan Tidak Dikemaskini dengan Lengkap**

Penemuan JAN mendapati bahawa polisi pelaburan ARB tidak dikemaskini dengan lengkap. Bagi isu ini, PAC telah dimaklumkan dengan perkara-perkara seperti berikut:

- i. **YBrs. Tuan Haji Roslan bin Abu Bakar (Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat), JAN) dalam prosiding Bil. 3(b) / 2021 bertarikh 3 Ogos 2021** menjelaskan bahawa kaedah pelaburan yang digunapakai ARB adalah berdasarkan perjanjian dengan pengurus-pengurus portfolio dan ianya tidak dianggap sebagai polisi pelaburan. Oleh itu, pihak JAN telah mencadangkan kepada ARB untuk menyediakan satu polisi pelaburan yang menyatakan secara terperinci cara pelaburan perlu dibuat. Ini adalah untuk mengelakkan situasi yang mana ARB tidak mempunyai satu panduan khas atau khusus apabila melaksanakan pelaburan.

*“YBrs. Tuan Haji Roslan bin Abu Bakar: Jadi, dengan kata lain pelaburan boleh dibuat dengan apa cara sekalipun kerana tidak ada polisi ... kita hendakkan supaya pihak ARB dapat menyediakan dasar ataupun polisi... Polisi ini adalah suatu dasar yang ditetapkan oleh pihak pengurusan syarikat lebih-lebih lagi pihak lembaga pengarah*

*untuk menentukan sama ada boleh tidak ARB melaksanakan aktiviti pelaburan yang dirancang.”*

[m/s 10 Hansard 3 Ogos 2021 Bil. 3(b) / 2021]

Walaupun bagaimanapun, sekarang ARB dilihat telah bersedia untuk menyediakan dan mengemukakan polisi-polisi pelaburan bagi kelulusan pihak pengurusan atasan dan Lembaga Pengarah. Polisi pelaburan tersebut akan dijadikan sebagai dasar syarikat dalam melaksanakan pelaburan.

- ii. **YBrs. Cik Aini Fariza binti Mohd Yusoff (Ketua Pegawai Kewangan, ARB) dalam prosiding Bil. 3(b) / 2021 bertarikh 3 Ogos 2021** bersetuju dengan pandangan JAN kerana pada sepanjang masa, ARB hanya mengetengahkan *asset allocation level* yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pelaburan ARB. ARB telah melantik anak syarikatnya iaitu Amanah Raya Investment Management Sdn. Bhd. (ARIMSB) sebagai pengurus dana ARB. ARIMSB adalah berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan mempunyai lesen pengurusan dana.

*“Cik Aini Fariza binti Mohd Yusoff: .....Dalam our portfolio management with the subsidiary, is licensed fund manager, kami ada nyatakan jenis aset apa yang perlu beli dan sebagainya lah. Setakat itu saja at the moment. Jadi, kami sedang merangka satu polisi yang menyeluruh yang sepatutnya cover semua aspek lah termasuknya asset liability dan juga investment.*

[m/s 11 Hansard 3 Ogos 2021 Bil. 3(b) / 2021]

Sebelum tahun 2018, ARB telah menggunakan peruntukan aset mengikut kelulusan jawatankuasa pelaburan. Jawatankuasa ini dianggotai oleh ahli-ahli lembaga tetapi tidak termasuk Pengerusi ARB.

*“Tuan Pengerusi: So, can i come to conclusion that the investment will be recommended by Amanah Investment Management and will be approved by the investment committee. Is that correct?”*

*Cik Aini Fariza binti Mohd Yusoff: Yes, generally yes.”*

[m/s 12 Hansard 3 Ogos 2021 Bil. 3(b) / 2021]

Pada masa kini, terdapat empat pelaburan yang dibenarkan iaitu milikan, milikan terkini dengan pendapatan, hartanah dan pasaran wang. Had minimum dan maksimum bagi milikan adalah antara 5% hingga 15% manakala bagi pendapatan tetap adalah 60% hingga 85%. Pelaburan bagi hartanah pula dihadkan antara 8% hingga 15% manakala bagi pasaran wang adalah 2% hingga 10%. Peratus had minimum dan maksimum yang ditetapkan ini adalah berdasarkan dana semasa yang terdapat di KWB.

### **5.3.3 Pencapaian Output: Pengurusan Dana KWB tidak diambil kira sebagai Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) tahunan**

Penemuan audit mendapati bahawa pengurusan dana KWB tidak diambil kira sebagai KPI tahunan ARB. Bagi isu ini, PAC telah dimaklumkan dengan perkara-perkara berikut:

- i. **YBrs. Encik Azmeen bin Adnan (MD Kumpulan ARB) dalam prosiding Bil. 3(b) / 2021 bertarikh 3 Ogos 2021** menjelaskan bahawa pada Disember 2020, mesyuarat Lembaga Pengarah telah meluluskan KPI sebanyak 5% diletakkan ke atas pengurusan dana KWB. Pemberatan 5% ini dimasukkan berikutan penemuan audit dan beliau tidak pasti samaada ia mewakili suatu indikator yang mencukupi kerana beliau baru sahaja menyertai ARB.

*“Tuan Pengerusi: Is five percent sufficient? This is because, as far as I can see this KWB is the main source of fund available in ARB. Ia satu-satunya sumber kewangan yang digunakan untuk pelaburan dan sebagainya and all the fees for ARB also come into that. Would five percent be really a sufficient indicator?”*


*Encik Azmeen bin Adnan: ... when i joined the company of course when I looked into the – bila saya tengok KPI memang saya nampak ada five percent. Bila saya tanya berhubung dengan penemuan audit ini, pegawai-pegawai telah memaklumkan bahawa ia telah dimasukkan because ada penemuan audit sebanyak five percent. Kenapa five percent saya minta maaf Tuan Pengerusi, I cannot answer that question.”*

- ii. **YBrs. Tuan Haji Roslan bin Abu Bakar (Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat), JAN) dalam prosiding Bil. 3(b) / 2021 bertarikh 3 Ogos 2021** menjelaskan bahawa sasaran KPI diperlukan bagi memastikan ARB dapat menjangkakan jumlah pulangan daripada pelaburan dana KWB. Jumlah yang boleh dikuantumkan iaitu 5% adalah berdasarkan pencapaian ARB.

### 5.3.4 Pencapaian Output: Prestasi Pelaburan Yang Kurang Memberangsangkan

ARB telah mensasarkan kadar pulangan pelaburan dana KWB antara 5.47% hingga 6.45% bagi tempoh tahun 2016 hingga 2019. JAN mendapati kadar pulangan pelaburan dana tidak mencapai sasaran bagi setiap tahun yang dinilai. Analisis JAN selanjutnya mendapati kadar kos dana KWB juga adalah melebihi kadar pulangan bagi tahun 2016 dan 2018 seperti di bawah:

**Kadar Pulangan Dan Kos Dana KWB Bagi Tempoh Tahun 2016 Hingga 2019**



Sumber: Laporan bulanan Jawatankuasa Pelaburan oleh Bahagian Kewangan 2016 hingga 2018 dan Prestasi Dana dan Kumpulan AmanahRaya pada 31 Disember 2019

Nota: Kos dana KWB = kadar agihan pendapatan (kadar efektif pulangan amanah yang ditawarkan + kadar tahunan fi pengurusan oleh AmanahRaya)

Sumber: LKAN 2019 Siri 1

Kos dana KWB yang melebihi kadar pulangan pelaburan telah menyebabkan kerugian terkumpul dana KWB mencapai RM1.023 billion setakat tahun 2019. JAN mendapati modal dana pemegang akaun amanah KWB telah mengalami trend defisit mulai tahun 2008 akibat kerugian. Defisit ini berlaku disebabkan pendapatan bersih tidak dapat menampung jumlah agihan pendapatan kepada pemegang dana setiap tahun.

- i. **YBrs. Encik Azmeen bin Adnan (MD Kumpulan ARB) dalam prosiding Bil. 3(b) / 2021 bertarikh 3 Ogos 2021** menjelaskan ARB telah mencadangkan pengukuran prestasi dana KWB iaitu untuk memastikan pulangan dana perlu melebihi kos dana bagi tahun kewangan tersebut.

Kadar pulangan bagi tahun 2019 dan 2020 telah direkodkan melebihi kos dana. Namun, sehingga 30 Jun 2021 kadar pulangan adalah 3.13% berbanding dengan kos dana sebanyak 3.82% akibat daripada faktor-faktor seperti penurunan kadar semalaman, indeks pasaran saham dan pandemik COVID-19.

- ii. **YBrs. Cik Aini Fariza binti Mohd Yusoff (Ketua Pegawai Kewangan, ARB) dalam prosiding Bil. 3(b) / 2021 bertarikh 3 Ogos 2021** menjelaskan faktor-faktor kerugian ARB sebanyak RM1.023 billion.

*“Tuan Pengerusi: ... Bolehkah bagi details berkenaan dengan kerugian itu (RM1.023 billion) bersama-sama dengan faktor dan sebagainya...”*



*Cik Aini Fariza binti Mohd Yusoff: ... Yes, our RM1bil losses is mainly due to some impact investment as well as some negative carry where certain number of years, the costs of funds are higher than the realised returned from the investments...*

[m/s 17 Hansard 3 Ogos 2021 Bil. 3(b) / 2021]

*“Cik Aini Fariza binti Mohd Yusoff: Yes, what i meant is that there is no problem with the market value because it is higher than the cost that we purchased. Higher even the coupon rate is very low at 1.2 percent. Whereas our cost of fund is much higher than that. Oleh sebab itulah ada kerugian nyata it is as if our investment cannot cover the cost of fund and it was a negative carried over the years.”*

[m/s 17 Hansard 3 Ogos 2021 Bil. 3(b) / 2021]

Menurut penemuan audit, kerugian pelaburan dalam Goldman Sach Notes adalah sebanyak RM158.21 juta.

Pelaburan ARB mengalami kerugian nyata berikutan impak pelaburan serta bawaan negatif (*negative carry*) yang mana terdapat beberapa tahun yang merekodkan kos dana melebihi pulangan nyata dari pelaburan tersebut. Antara faktor yang menyebabkan kerugian tersebut adalah pelaburan yang memberikan pulangan yang rendah atau pelaburan tersebut memberi pulangan yang hanya cukup mengikut keperluan. Selain itu, kerugian juga adalah disebabkan oleh pelaburan ke atas hartanah yang perlu dijual bagi mendapatkan pulangan berkeuntungan.

ARB juga mengalami kerugian nyata menerusi pelaburan langsung common fund ke atas projek pembangunan 56 unit Keppel Bay Properties di Singapura. Projek ini telah disiapkan dan mulai dijual sejak tahun 2017 atau 2018. Pelaburan ini berbentuk pembiayaan berjumlah S\$82 juta dalam syarikat Al Asad Pte Limited (“Syarikat Al Asad”), yang mana ARB memiliki 50% saham Syarikat Al Asad.

PAC telah dimaklumkan bahawa kerugian nyata sebanyak RM114.34 juta bagi pelaburan berbentuk pembiayaan kepada Syarikat Al Asad adalah disebabkan oleh penurunan nilai pasaran bagi maksud projek tersebut.

PAC telah membangkitkan isu sebab kenapa *Gross Development Value* (GDV) projek tersebut tidak mencukupi untuk menampung kos pelaburan.

*“Tuan Pengerusi: So, in what way that we can classify it as a loss?”*

*Cik Aini Fariza binti Mohd Yusoff: Because of the market value of that property has reduced.*

*Tuan Pengerusi: So, that means that Gross Development Value (GDV) of the project is not sufficient to cover back your cost?*

*Cik Aini Fariza binti Mohd Yusoff: Yes.*

...

*Tuan Haji Ahmad bin Hassan: Apa yang menyebabkan value of the properties go down? Sedangkan before that, before we made the investment, kita selalunya ada buat feasibility study kah, due diligence kah, betul?*

*Cik Aini Fariza binti Mohd Yusoff: Ya ... Saya tidak exactly aware-lah on the investment angle cause our investment team yang buat dulu...*

[m/s 26-27 Hansard 3 Ogos 2021 Bil. 3(b) / 2021]

PAC juga dimaklumkan bukan kesemua keputusan untuk pelaburan dibuat oleh Jawatankuasa Pelaburan.

*“Tuan Pengerusi: ... I’m interested to know, who is the main person that has the controlling power over the direction of the investment? ... Siapa yang harus dipertanggungjawabkan?... sepanjang masa tahun 2008 sampai tahun 2019, all the decisions were made at the investment committee level, or has it ever been brought to the board ...*

*Cik Aini Fariza binti Mohd Yusoff: We need to check investment by investment. Mostly it...reporting is done done to the investment committee, but...for some investments, it didn’t go to investment committee... JAN here has already highlighted this, I think. There’s no governance for such investments. That’s why it was subsequently impaired.*

[m/s 17-18 Hansard 3 Ogos 2021 Bil. 3(b) / 2021]

### 5.3.5 Agihan Pendapatan KWB

Penemuan audit mendapati agihan pendapatan telah melebihi pendapatan bersih bagi tujuh (7) tahun kewangan. Agihan pendapatan kepada pemegang dana tidak mengambil kira kemampuan KWB dan tidak selaras dengan Seksyen 27 Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 yang menyatakan:

***“Pembayaran bunga atas wang modal dalam Kumpulan Wang Bersama***

*27. (1) Bunga yang kena dibayar berkenaan dengan wang modal yang menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Bersama hendaklah pada kadar yang munasabah yang ditetapkan oleh Perbadanan dengan kelulusan Menteri dengan mengambil kira pendapatan Kumpulan Wang Bersama yang boleh dibahagikan dan kemampuan Kumpulan Wang Bersama dan Kumpulan Wang Rizab Am untuk menjelaskan segala bayaran yang dikehendaki dibuat.”*

**i. YBrS. Cik Aini Fariza binti Mohd Yusoff (Ketua Pegawai Kewangan, ARB) dalam prosiding Bil. 3(b) / 2021 bertarikh 3 Ogos 2021** memaklumkan kepada PAC, Pengarah Urusan Kumpulan (GMD) ARB telah membuat keputusan pengagihan pendapatan tanpa perlu merujuk kepada Lembaga Pengarah selagi ia terletak dalam lingkungan yang dibenarkan oleh Menteri Kewangan iaitu sebanyak 7.5%.

*“Tuan Pengerusi: ... who made the decision for the pengagihan pendapatan? I believe it was the board, so maybe you can answer.*

*Cik Aini Fariza binti Mohd Yusoff: GMD made the decision for the pengagihan.*

*Tuan Pengerusi: Seorang?*

*Cik Aini Fariza binti Mohd Yusoff: Yes, at the moment, which we need to rectify this and include inside the investment's policy when we do..."*

[m/s 28-29 Hansard 3 Ogos 2021 Bil. 3(b) / 2021]

### **5.3.6 Pengurusan dana tertanggung**

Berdasarkan SOP Pengurusan Dana Tertanggung, dana tertanggung wujud apabila tiada maklumat lanjut berkenaan aset pusaka atau amanah dan waris.

**YBr. Encik Azmeen bin Adnan (MD Kumpulan ARB) dalam prosiding Bil. 3(b) / 2021 bertarikh 3 Ogos 2021** menjelaskan bahawa jumlah dana tertanggung telah meningkat sebanyak 60% dari tahun 2006 sehingga 2019.

[Nota PAC: Merujuk kepada LKAN 2019 Siri 1, peningkatan 60% tersebut adalah dari tahun 2016 sehingga 2019.]

ARB mengambil inisiatif pengemaskinian maklumat menerusi lawatan sosial dan jejak waris. Lawatan sosial dan jejak waris ini telah diperkenalkan bagi tujuan pengesanan benefisiari berkaitan pengeluaran akaun amanah. Pada masa yang sama, permohonan untuk menggunakan sistem myIDENTITY ditolak oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan masih dalam proses rayuan. ARB juga sedang meneliti kerjasama dengan

agensi-agensi lain yang mempunyai maklumat waris seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan sebagainya.

Walaupun bagaimanapun, jejak waris dan lawatan sosial terpaksa dihentikan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). ARB juga mengenalpasti kekangan jumlah pekerja dalam melaksanakan jejak waris dan lawatan sosial. Oleh itu, ARB melihat untuk menambah jumlah pekerja bagi tujuan pelaksanaan di seluruh negara.

### **5.3.7 Pengurusan Amanah Pusaka**

Bagi isu berkaitan pengurusan amanah pusaka, PAC telah dimaklumkan dengan perkara seperti berikut:

**YBrs. Encik Azmeen bin Adnan (MD Kumpulan ARB) dalam prosiding Bil. 3(b) / 2021 bertarikh 3 Ogos 2021** menjelaskan bahawa tiada pengukuran *outcome* yang ditetapkan bagi menilai pelaksanaan tanggungjawab sosial amanah. Mesyuarat lembaga pengarah pada Disember 2020 telah meluluskan pembentangan tanggungjawab sosial amanah diletakkan sebagai pemberat dalam KPI 2021. Walau bagaimanapun, kekangan dalam melaksanakan tanggungjawab sosial adalah pengurangan bayaran atau bayaran tetap bagi RM5 ribu dan ke bawah.

### 5.3.8 Pengurusan Fail Amanah

**YBrs. Encik Azmeen bin Adnan (MD Kumpulan ARB) dalam prosiding Bil. 3(b) / 2021 bertarikh 3 Ogos 2021** menjelaskan bahawa sebanyak 1,049 akaun yang telah matang daripada sejumlah 36,000 akaun aktif masih belum diselesaikan. ARB telah mewujudkan *task force* dan jumlah baki akaun yang belum diselesaikan adalah sebanyak 223.

Selain itu, sebanyak 4,520 fail tidak mempunyai tarikh matang dan sehingga Jun 2021 masih berbaki sebanyak 416 fail yang masih belum diletakkan tarikh matang. Hal ini disebabkan ARB tidak dikira sebagai perkhidmatan penting sewaktu pelaksanaan PKP.

JAN juga telah menyentuh mengenai pengekodan dan penyimpanan maklumat amanah dan pusaka. Analisis terhadap data fail pusaka yang tertunggak mendapati sebanyak 233 daripada 5,367 fail melibatkan hampir RM268 juta yang masih belum diselesaikan sehingga Disember 2019. Fail-fail ini merupakan fail yang lama daripada tahun 1950 sehingga tahun 2010. *Task force* yang telah diwujudkan pada Ogos 2019 berjaya mengurangkan fail tertunggak kepada 1,857 dan disasarkan akan berjaya sepenuhnya pada Disember 2022. Meskipun *task force* ini masih diteruskan tetapi mengalami masalah berikutan pelaksanaan PKP.

Semakan juga telah mendapati bahawa tiada spesifikasi bilik fail yang telah ditetapkan dalam mana-mana prosedur dan bilik fail tidak dilengkapi dengan sistem kawalan keselamatan seperti CCTV atau alat pencegah atau pengesan kebakaran. ARB pada masa ini sedang melaksanakan pengubahan polisi pengurusan bilik fail dan draf pindaan polisi tersebut sedang menunggu kelulusan di peringkat pengurusan. Sebanyak 20

daripada 21 cawangan ARB telah dipasang CCTV dan kesemua cawangan telah dipasang pengesan asap.

Selain itu, penemuan JAN mendapati bahawa ARB tidak mempunyai fungsi menyimpan dokumen secara digital. Oleh itu, ARB telah membuat perolehan *Electronic Data Management System* (EDMS) yang terbahagi kepada bahagian wasiat (bermula 1 Mei 2021), dokumen amanah (dalam peringkat latihan pegawai) dan dokumen pusaka modul (dalam peringkat integrasi).

Integrasi ini juga melibatkan Sistem Wasiat Amanah Pusaka (SWAP) yang telah dibangunkan. SWAP Will 1.0 telah digunakan pada 1 Mac 2017, SWAP Trust 1.0 telah digunakan pada 10 Ogos 2020 dan SWAP Estate 1.0 telah digunakan pada 1 September 2020. Penambahbaikan sistem masih berjalan.





**RUMUSAN & SYOR  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
PARLIMEN**

## 6. RUMUSAN PAC PARLIMEN

Secara keseluruhan PAC Parlimen merumuskan perkara-perkara berikut:

6.1 Terdapat polisi-polisi yang tersenarai dalam *MKD Handbook* tidak diamalkan oleh ARB. Sebanyak tujuh (7) pindaan polisi telah dicadangkan oleh Jawatankuasa Arahan Syarikat ARB, namun sehingga sekarang hanya dua (2) pindaan polisi telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Kemajuan untuk lima (5) pindaan polisi yang lain adalah amat lambat dan tidak memuaskan.

6.2 ARB tidak mempunyai suatu polisi pelaburan yang lengkap dan Lembaga Pengarah tidak mempunyai kawalan terhadap pelaburan yang bakal dibuat. Berlaku juga pelaburan yang dilaksanakan tanpa melalui kelulusan Jawatankuasa Pelaburan. Ketiadaan penanda aras dalam pelaburan menyumbang kepada kelemahan ARB dalam menilai setiap satu pelaburan sehingga menyebabkan kerugian.

6.3 Prestasi pelaburan dana KWB oleh ARB adalah tidak memberangsangkan dan telah menyumbang kepada kerugian terkumpul KWB tahun 2019 sebanyak RM1.023 bilion. Antaranya, ARB mengalami kerugian sebanyak RM114.34 juta dalam pelaburan projek pembangunan 56 unit Keppel Bay Properties di Singapura di mana *Gross Development Value* (GDV) projek tidak mencukupi untuk menampung kos pelaburan. Tidak ada dokumen yang membuktikan *due diligence* atau *feasibility study* dilaksanakan sebelum pelaburan dibuat. ARB didapati telah cuai dalam proses membuat keputusan pelaburan dengan menganggarkan GDV terlalu tinggi berbanding harga pasaran.

6.4 Agihan pendapatan kepada pemegang dana tidak mengambil kira kemampuan KWB dan tidak selaras dengan Seksyen 27 Akta 532. Keputusan agihan pendapatan hanya dibuat oleh Pengarah Urusan Kumpulan (GMD) ARB tanpa merujuk kepada Lembaga Pengarah.

## **7. SYOR PAC PARLIMEN**

Bagi tujuan penambahbaikan, PAC Parlimen mengesyorkan perkara-perkara berikut:

7.1 Polisi-polisi yang tersenarai dalam *MKD Handbook* wajib dipatuhi oleh ARB. Kesemua pindaan polisi yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Arahan Syarikat ARB hendaklah diputuskan oleh Lembaga Pengarah dengan segera.

7.2 ARB perlu mempunyai suatu polisi pelaburan yang lengkap demi memaksimumkan impak pelaburan selaras dengan objektif penubuhannya. Jawatankuasa Pelaburan perlu dibantu oleh barisan pakar pelaburan dan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya kepada Lembaga Pengarah selari dengan kepentingan organisasi.

7.3 ARB hendaklah melaksanakan audit ke atas kerugian terkumpul KWB khususnya dalam pelaburan projek pembangunan 56 unit Keppel Bay Properties di Singapura.

7.4 Agihan pendapatan kepada pemegang dana hendaklah mematuhi Seksyen 27 Akta 532 dan diputuskan oleh Lembaga Pengarah.

## **JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN**



**AGENDA MESYUARAT  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
PARLIMEN**

- ❖ **Bil. 3(a)/2021 pada Selasa, 3 Ogos 2021**
- ❖ **Bil. 3(b)/2021 pada Selasa, 3 Ogos 2021**

LAMPIRAN A

MESYUARAT PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
BIL. 3(a) TAHUN 2021  
BERTEMPAT DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1  
TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
<p>3 Ogos 2021 (Selasa)</p> <p>10.30 pagi</p>	<p>Prosiding Bil. 3(a) Tahun 2021: Prosiding berhubung Amanah Raya Berhad (LKAN 2019 Siri 1)</p>	<p>JABATAN AUDIT NEGARA (JAN):</p> <p>(i) Yang Berbahagia Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid, Ketua Audit Negara</p>

LAMPIRAN A

MESYUARAT PROSIDING JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
BIL. 3(b) TAHUN 2021  
BERTEMPAT DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1  
TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
<p>3 Ogos 2021 (Selasa)</p> <p>11.30 pagi</p>	<p>Prosiding Bil. 3(b) Tahun 2021: Prosiding berhubung Amanah Raya Berhad (LKAN 2019 Siri 1)</p>	<p><b>KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF):</b></p> <p>(i) Yang Berbahagia Dato' Asri bin Hamidon, Ketua Setiausaha Perbendaharaan</p> <p><b>AMANAH RAYA BERHAD:</b></p> <p>(i) Encik Azmeen bin Adnan, Pengarah Urusan;</p> <p>(ii) Cik Aini Fariza binti Mohd Yusoff, Ketua Pegawai Kewangan</p>

# **LAPORAN PROSIDING**

- ❖ **Bil. 3(a)/2021 pada Selasa, 3 Ogos 2021**
- ❖ **Bil. 3(b)/2021 pada Selasa, 3 Ogos 2021**



# LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Selasa, 3 Ogos 2021

BIL. 3(a) / 2021

MESYUARAT  
**JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

Prosiding Mengenai:  
**AMANAH RAYA BERHAD**

**Jabatan Audit Negara**

- i) YBhg. Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid, Ketua Audit Negara

**PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**



---

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA  
SELASA, 3 OGOS 2021**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Pengerusi*  
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]  
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]  
YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]  
YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort] - *Timbalan Pengerusi*  
YBhg. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin - *Setiausaha*  
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]  
YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]  
YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut]  
YB. Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang]  
YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]  
YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]  
YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasar Mas]  
YB. Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Nurul Nadiha binti Zamani [Penolong Setiausaha Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Peguam Negara**

Tuan Allauddin bin Mohd Tahir [Ketua Unit Teknologi Maklumat dan Kewangan (Jusa C(M), Bahagian Penasihat)]

**Unit Perancang Ekonomi (UPE)**

Dr. Khalid A. Hamid [Pengarah (Bahagian Industri Perkhidmatan)]

samb/-

**HADIR BERSAMA** (*samb/-*)**Jabatan Akauntan Negara**

Puan Siti Mariam binti Mat Noh [Timbalan Ketua Penolong Pengarah Kanan]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**

Puan Salwa binti Muharam [Timbalan Pengarah (Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan)]

**SAKSI****Kementerian Kewangan**

YBhg. Dato' Asri bin Hamidon [Ketua Setiausaha Perbendaharaan]

Encik Faisal@Pisal bin Abdul Ghani [Setiausaha Sulit Kanan]

Encik Mohd Sakeri bin Abdul Kadir [Setiausaha Bahagian (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha (Unit Kawalan dan Pemantauan / Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Encik Muhammad Harith bin Abdul Rahim [Penolong Setiausaha (Unit Kawalan dan Pemantauan / Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

**Jabatan Audit Negara**

YBhg. Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid [Ketua Audit Negara]

Tuan Haji Roslan bin Abu Bakar [Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat)]

Encik Md. Adnan bin Abdullah [Ketua Penolong Pengarah Audit]

Puan Noor Rozeelah binti Jaafar [Penolong Pengarah Audit (Seksyen 2)]

**Amanah Raya Berhad**

En. Azmeen bin Adnan [Pengarah Urusan]

Cik Aini Fariza binti Mohd Yusoff [Ketua Pegawai Kewangan]

Encik Kanakarajah A/L Muthusamy [Ketua Bahagian Pematuhan, Integriti dan Pengurusan Risiko]

Cik Haslina Junus [Ketua Bahagian Audit Dalam]

---

## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KETIGA

Selasa, 3 Ogos 2021

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.30 pagi

[Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**Tuan Pengerusi:** Okey, saya akan memanggil mesyuarat ini *to order*, ya. Selamat pagi, salam sejahtera dan selamat datang saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat PAC, juga *ex-officio* PAC Parlimen dari AGC, JPA, JAN, MOF, SPRM, Jabatan Akauntan Negara dan Unit Perancang Ekonomi, JPM. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat ini. Selamat datang juga saya ucapkan kepada Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid, Ketua Audit Negara, terima kasih kerana hadir. Dan Yang Berusaha Tuan Haji Roslan bin Abu Bakar, Timbalan Ketua Audit Negara, Tadbir Urus, terima kasih kerana hadir.

Saya difahamkan bahawa Tuan Haji Roslan telah menggantikan Datuk Johari yang telah pun bersara. Dan pada pagi ini, PAC Parlimen akan memulakan prosiding berhubung Amanah Raya Berhad ataupun Amanah Raya, sebuah syarikat Berhad menurut syer milikan penuh oleh MKD, Menteri Kewangan (Diperbadankan), dengan modal berbayar sejumlah RM 6 juta. Sebelum kita memanggil saksi untuk masuk, sekretariat PAC memperkenalkan sesi mesyuarat baharu untuk PAC, yang sekarang dikenali sebagai mesyuarat pra prosiding, bagi memantapkan tadbir urus dan perjalanan mesyuarat-mesyuarat PAC. Mesyuarat pra prosiding ini akan diadakan setiap kali PAC memulakan prosiding, yang membabitkan isu yang dilaporkan dalam LKAN.

Dan setiap kali mesyuarat pra prosiding ini, Ketua Audit Negara akan memberikan maklumat dan perkembangan terkini serta pandangan berhubung terhadap prosiding termasuk soalan-soalan yang patut ditanya kepada saksi. Dan Datuk Ketua Audit Negara juga memberikan penjelasan mengenai isu-isu yang sudah selesai atau belum diselesaikan di AG *Dashboard*. Selepas kita selesai mendengar penjelasan daripada Ketua Audit Negara, mesyuarat akan ditempoikan selama lima minit sebelum kita memanggil saksi-saksi masuk. Dan sekarang jam lebih kurang 10:32 pagi, dan notis untuk saksi-saksi yang kami hantar adalah pada pukul 11:00 pagi. Dan sekiranya boleh, kita selesaikan sesi ini dalam masa 30 minit

---

ataupun maksimumnya kita lanjutkan untuk 10 minit lagi, *so that* saksi-saksi yang lain tidak akan tunggu lama di luarlah. Itu nombor satu.

Nombor dua, saya hendak minta kerjasama daripada Datuk Ketua Audit Negara. Petang nanti, sepatutnya pra prosiding kita mula 2:30 petang, tetapi memandangkan Parlimen pun tidak ada sidang, dan mungkin kita boleh mula pada pukul 2:00 petang, *then* kita akan mempunyai masa yang lebih banyak sampai pukul 3:00 petang, sebelum kita memanggil saksi-saksi untuk masuk. *I hope your team is ready*, Datuk. *OK, very good*. So dengan itu, tanpa membuang masa, elok kita teruskan mesyuarat ini, terima kasih dan dipersilakan Datuk Nik Azman, Ketua Audit Negara, untuk memberikan pembentangan bagi tajuk ini.

**Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid, Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara:** *Bismillahirrahimanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, PAC, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, wakil-wakil daripada agensi pusat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Terima kasih kerana menjemput saya untuk memberi taklimat dalam sesi pra prosiding pada pagi ini dan tajuknya seperti yang Yang Berhormat Pengerusi sebutkan tadi, adalah berkenaan dengan pengauditan ke atas Amanah Raya Berhad, yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2019 Siri 1.

*Next*, kandungan taklimat saya pada pagi ini adalah seperti yang dipaparkan, dan saya cuba ringkaskan supaya kita boleh siap berhenti pukul 11:00 pagi selewat-lewatnya. Ini kandungan taklimat saya. Seterusnya, latar belakang. Syarikat Amanah Raya Berhad diperbadankan pada 29 Mei 1995 dan merupakan syarikat Berhad menurut syer milikan penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan), dan kini Amanah Raya Berhad adalah diletakkan di bawah Kementerian Kewangan, iaitu sejak Julai 2020. Objektif Amanah Raya Berhad adalah seperti yang dinyatakan dalam perlembagaan syarikat adalah untuk mentadbir harta pusaka, pemegang amanah bagi individu bawah umur, orang awam dan juga mengurus skim unit amanah dan menguruskan dana amanah.

Setakat 2020, jumlah modal berbayar adalah RM 6 juta dalam bentuk saham sebagai suntikan modal. Dan Amanah Raya tidak menerima sebarang geran ataupun pinjaman daripada kerajaan. Seterusnya, *next*. Aktiviti utama Amanah Raya adalah perkhidmatan pewarisan.

**Tuan Pengerusi:** Maaf, saya ganggu sebentar, Datuk. Untuk maklumat Ahli-ahli PAC, dan sebagai rekod, Ahli kita Yang Berhormat Tuan Ramli Dato' Mohd Nor merupakan Pengerusi kepada Amanah Raya Berhad dan saya telah dimaklumkan, setelah kami mendapat pandangan undang-undang daripada AGC, dan saya telah

pun memaklumkan kepada beliau supaya beliau mengecualikan diri daripada prosiding ini. Terima kasih. Sila teruskan, Datuk.

**Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid:** Terima kasih, Yang Berhormat. Aktiviti utama Amanah Raya adalah perkhidmatan perwarisan yang terdiri daripada pentadbiran amanah, pusaka dan pentadbiran wasiat. Pelanggan Amanah Raya terdiri daripada individu, syarikat dan badan berkanun. Dan Amanah Raya menguruskan juga dana amanah dan pusaka serta memperoleh fi daripada pengurusan perkhidmatan ini sebagai pendapatannya. Dan pengurusan perkhidmatan perwarisan diurus oleh subsidiarinya iaitu AmanahRaya Trustees Berhad, yang ditunjukkan dalam carta tersebut, ya. Amanah Raya juga bertanggungjawab mengurus dana amanah dan pusaka yang diterima dalam akaun berasingan, iaitu akaun Kumpulan Wang Bersama, KWB, ya, berdasarkan Seksyen 25 Akta 532, ya. Dana-dana yang diterima dilaburkan melalui KWB, diurus oleh AmanahRaya Investment Management Sdn Bhd dan AmanahRaya-Kenedix REIT Manager Sdn Bhd.

**Tuan Pengerusi:** Datuk.

**Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid:** Ya?

**Tuan Pengerusi:** Maksudnya, kesemua wang yang dimiliki oleh Amanah Raya adalah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Bersama?

**Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid:** Ya, dan untuk dilaburkan, sebab ini, memang akta itu menyatakan bahawa mesti dilaburkan.

**Tuan Pengerusi:** Okey. So yang akan membuat pelaburan adalah Amanah Investment, AmanahRaya-Kenedix REIT Manager?

**Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid:** Yang menguruskan. Dan di mana Kumpulan Wang Bersama ini membayar yuran pengurusan kepada kedua-dua anak syarikat Amanah Raya ini. Seterusnya, pengurusan dana Kumpulan Wang Bersama, ya. Seperti yang saya katakan tadi, Kumpulan Wang Bersama ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 seperti– ataupun Akta 532. Seksyen 25 Akta tersebut menetapkan bahawa pembentukan KWB ini antaranya adalah termasuk segala wang, modal yang ada bagi pelaburan yang dipegang oleh Amanah Raya selepas tarikh ditetapkan, hendaklah dilaburkan dalam apa-apa pelaburan yang dibenarkan oleh undang-undang, seperti yang saya sebut tadi, Yang Berhormat Pengerusi. Seksyen 24 Akta 532 pula, membenarkan Amanah Raya, selaku pemegang amanah, melaburkan wang dalam KWB, mengikut Aktalah, ya.

Setakat 31 Disember 2019, modal dana Kumpulan Wang Bersama berjumlah RM 5.898 bilion, ya, terdiri daripada tiga komponen utamalah, dana amanah institusi dan agensi, sebanyak RM 4.3 bilion, dana daripada bukan institusi, RM 1.198 bilion, iaitu 20%, dan dana tertangguh. Dana tertangguh ini, Yang Berhormat, adalah harta

pusaka dan amanah yang masih belum dituntut, berjumlah RM 399 juta. Nanti ini pun, kita ada isu jugalah kemudian ini, yang tidak dituntut, ya. Saya akan sebut kemudian, Yang Berhormat.

Untuk status AG *Dashboard* daripada lapan isu yang kita laporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, Amanah Raya telah mengambil tindakan terhadap lima isu yang dibangkitkan. Lima isu ini telah selesai, manakala tiga isu masih dalam tindakan syarikat. Isu-isu yang masih dalam tindakan syarikat adalah dari segi perekodan dan penyimpanan maklumat dan pusaka. Iaitu pembangunan sistem pengurusan dokumen.

Kedua, berkaitan dengan pengesanan *beneficiary* bagi pengeluaran akaun amanah iaitu status rayuan permohonan kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan inisiatif usaha lain untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan dengan *beneficiary* akaun amanah. Akan tetapi, akaun amanah ini dia ada isu tidak dapat cari siapa yang layak menerimanya. Nanti saya ceritakan kemudianlah detilnya.

Ketiga, adalah pengurusan dana tertanggung iaitu inisiatif yang akan diambil oleh Amanah Raya untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan dengan *beneficiary* akaun amanah.

Saya pergi kepada yang kedua, objektif pengauditan. Dia ada tiga aspek yang kita lihat. Pertama, dari segi kita melihat pencapaian objektif penubuhan Amanah Raya itu. Sama ada mencapai seperti mandat yang diberikan iaitu kita lihat dari segi pengurusan dana KWB serta pengurusan amanah dan pusaka. Sama ada cekap, berkesan dan berhemat. Itu satu aspek utama. Kedua, dari segi tadbir urus korporat. Dari segi sama ada baik atau tidak. Ketiga, dari segi kedudukan prestasi kewangan Amanah Raya Berhad itu sendiri.

Skop pengauditan, ini pun saya sebutkan ringkas sahaja Yang Berhormat. Tiga iaitu skop pengauditan pertama dari segi tadbir urus. Kita lihat sembilan aspek ini ya. Nanti saya sebut nanti. Tiga aspek pengerusi, lembaga pengarah, CEO ataupun pengarah urusan. Ada jawatankuasa audit, pelan strategik dan SOP ada atau tidak antaranya lah. Jadi, itu yang kedua skop dari segi aktiviti. Seperti yang saya sebutkan tadi aktiviti pengurusan dana KWB, pengurusan amanah dan pusaka, sama ada rekod dan sebagainya. Ketiga, kedudukan kewangan. Itu skop pengauditan.

Kita pergi terus seterusnya kepada ringkasan penemuan audit Yang Berhormat ya Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Kita— saya pergi secara ringkas penemuan audit ada tujuh. Pertama kita dapati pindaan polisi dibuat tanpa pengurusan lembaga pengarah. Ini bertentangan dengan tanggungjawab lembaga pengarah. Lembaga pengarah— tidak dibentangkan kepada lembaga pengarah. Pihak pengurusan yang buat keputusan, pertama. Kedua, dana modal KWB ini telah

mengambil defisit sejak 2008 lagi. Menjadikan kerugian terkumpul sebanyak RM1.023 bilion setakat 2019. Ada defisit. Nanti saya huraikan kemudian ya. Ketiga, pelaburan...

**Tuan Pengerusi:** Datuk, untuk poin yang pertama itu kan "*tanpa kelulusan lembaga pengarah*". Okey, dalam isu ini pengurusan di sini termasuk apa? Pengurusan dia anak syarikat kah atau staf?

**Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid:** Ini Amanah Raya sendiri. Maknanya, pihak *management* di bawah CEO itu dia buat keputusan dia tidak rujuk kepada lembaga pengarah. Tidak mendapat kelulusan lembaga pengarah. Dari segi pengurusan dan tatacara tidak teratur Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan.

**Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid:** Ketiga, berkenaan dengan pelaburan bagi 11.3 peratus iaitu RM664.24 juta daripada keseluruhan dana modal berjumlah RM5.89 bilion itu merupakan kerugian yang nyata. *Realised loss* maknanya. Sebanyak 11 peratus rugi.

Keempat, agihan pendapatan kepada pemegang amanah melebihi pendapatan bersih selama tujuh tahun kewangan. Maknanya, dia bagi dividen itu atau agihan pendapatan lebih daripada pendapatan bersih dia.

Kelima, pelan tindakan pemulihan KWB adalah salah satu pelan utama pelan strategik Amanah Raya untuk lima tahun iaitu tahun 2017 hingga 2022. Namun, pengurusan dana KWB itu tidak diambil kira sebagai KPI tahunan syarikat. Maknanya, perkara itu penting tetapi tidak dijadikan KPI. Jadi, umpamanya perkara lain patutnya ada KPI lah perkara-perkara mustahak ini.

Keenam, kita dapati bahawa tiada spesifikasi bilik fail yang ditetapkan serta bilik fail yang tidak dilengkapi dengan kawalan keselamatan dan alat pencegahan dan pengesanan kebakaran. Takut maklumat itu atau dokumen itu rosak, terbakar dan sebagainya ataupun dicuri dan sebagainya.

Ketujuh, dana tertanggung masih belum disalurkan kepada waris dan ia menunjukkan peningkatan sebanyak 59 peratus hampir 60 peratus. Itu penemuan ringkasan penemuan.

Ini saya masuk pergi kepada yang detil sedikit Tuan Pengerusi. Penemuan audit tadbir urus. Pertama tadi, seperti saya sebutkan tujuh pindaan polisi berkaitan dengan kewangan, sumber manusia dan korporat masih belum diluluskan oleh lembaga pengarah. Ini semasa kita buat audit lah ini dan dua pindaan polisi melibatkan kenaikan fi perkhidmatan Amanah Raya yang berkuat kuasa pada tahun 2017 tidak mendapat kelulusan lembaga pengarah.

Ketiga, tiada polisi pelaburan terperinci tetapi berpandukan perjanjian pengurusan portfolio tahun 2009 dan mandat. Maknanya, tidak ada polisi pelaburan

yang terperinci. Tidak ada detil. Akan tetapi, perkara ini sedang diambil tindakan susulan. Ini terbaru yang kita dapat dari AG *Dashboard*. Di mana Amanah Raya telah pun meminda polisi tadbir urus Amanah Raya dan diluluskan oleh lembaga pengarah pada 11 Disember 2020.

Maknanya perkara ini telah *settle* Yang Berhormat. Mungkin tidak perlu bangkitkan lagi, umpamanya atau kalau boleh hendak bertanya bergantung pada kebijaksanaan Tuan Pengerusi. Begitu juga dari segi urus mengandungi semua polisi Amanah Raya termasuk tujuh polisi berkaitan dengan kewangan, sumber manusia dan korporat termasuk polisi pelaburan. Dia ambil kira semua selepas teguran Audit.

Seterusnya, dari segi pengurusan aktiviti. Ini yang penting jugalah iaitu kita tengok dari segi isu pertama kedudukan kewangan dana Kumpulan Wang Bersama. Kos dana Kumpulan Wang Bersama melebihi kadar pulangan pelaburan. Makna, kos dia itu melebihi kadar pulangan pelaburan sejak 2008 lagi. Melibatkan kerugian terkumpul sebanyak RM1.023 bilion setakat tahun 2019. Itu kita nampak ada *gap* atau jurang itu patutnya dia ada kalau *on paper* dia ada modal dia, dana dia RM5.898 bilion tetapi sebenarnya bila nilai sebenar ataupun akibat kerugian terkumpul itu dia ada RM4.875 bilion sahaja Yang Berhormat.

Kedua, kita tengok— jadi ini merupakan pengurusan dana Kumpulan Wang Bersama tidak cekaplah. Ini kerana prestasi pelaburan yang mengakibatkan kerugian yang nyata. Kerugian nyata itu sebanyak 64 peratus kerugian terkumpul Kumpulan Wang Bersama. Kalau kita *realised loss* itu Yang Berhormat adalah sebanyak RM664.24 juta yang sudah rugi. Memang sudah rugi.

Kedua, kadar pulangan pelaburan tidak mencapai sasaran 2016 sehingga 2019. Didapati kadar kos pelaburan melebihi kadar pulangan. Kalau kita tengok daripada jadual tersebut ya. Kadar kos itu, kos lebih tinggi daripada pulangan terutamanya kalau tengok dari tahun 2016 dengan tahun 2017 kadar pelaburan melebihi kadar pulangan, mengakibatkan defisit dana. Kadar ini memerlukan Amanah Raya mendapat jaminan kerajaan untuk menampung defisit tersebut. Maknanya, kerajaan kena jamin sebab kalau ada tuntutan itu, RM1.23 bilion itu maknanya kerajaan kena bayarlah.

Seterusnya, isu kedua adalah prestasi pelaburan ya. Prestasi pelaburan yang disebut dalam perenggan 6.23(a) itu, kos dana adalah RM5.98 juta. Namun jumlah bersih adalah, yang dapat dilaburkan hanya RM5.23 bilion iaitu 88 peratus sahaja yang dapat dilaburkan ya. Sehingga 31 Disember 2019, sejumlah RM4.874 bilion nilai pasaran aset Kumpulan Wang Bersama telah dilaburkan dalam *fixed income*, tunai, pasaran wang, hartanah, ekuiti serta pelaburan alternatif selaras dengan Akta 208 dan kelulusan Menteri ya. Pelaburan tertinggi adalah *fixed income securities*



sebanyak RM2.431 bilion iaitu 49.9 peratus dan pelaburan terendah adalah ekuiti sebanyak RM442.19 juta iaitu sembilan peratus daripada keseluruhan pelaburan.

Ini penemuan audit ya, kita dapati bahawa 68 peratus pelaburan dana wang Kumpulan Wang Bersama berada dalam kategori baik ya, 68 peratus baik. Sebanyak 7.8 peratus atau *round up* nya 8 peratus, 7.8 peratus pelaburan menerima pulangan rendah iaitu daripada Goldman Sachs Notes dan pelaburan hartanah yang melibatkan sewaan bangunan ya, itu tidak begitu baik, rendahlah. Sebanyak 12.8 peratus pelaburan tidak mendapat pulangan pelaburan hartanah dalam syarikat bersekutu dan penjualan bangunan serta pinjaman kepada satu syarikat bersekutu dan dua syarikat subsidiari tidak mendapat pulangan.

**Tuan Pengerusi:** Datuk, pinjaman itu dekat mana?

**Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid:** Kepunyaan anak syarikat.

**Tuan Pengerusi:** Dia di bawah kategori mana, yang tidak menjana pendapatan kah atau yang mana?

**Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid:** Kategori yang tidak mendapat pulangan sebab anak syarikat itu tidak boleh bayar balik.

**Tuan Pengerusi:** Oh. Okey.

**Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid:** Dia tidak boleh bayar balik lah buat masa ini ya. Ketiga, 11.3 peratus merupakan kerugian nyata macam *realised loss*. Jadi, jumlah *realised loss* itu seperti yang saya sebutkan tadi adalah RM664.24 juta daripada RM1.023 bilion tadi. Punca utama kerugian nyata adalah kerana kerugian pelaburan dalam pasaran wang selama 12 tahun iaitu RM203.34 juta, kerugian pelaburan dalam Goldman Sachs iaitu RM158 juta dan kerugian pinjaman yang saya sebut tadi ya, satu syarikat bersekutu RM114 juta dan ada lain-lain kerugian sedikit ya.

Pada tahun 2012, Amanah Raya telah mendapat khidmat Tetuan PricewaterhouseCoopers untuk melaksanakan pengauditan forensik terhadap pelaburan kumpulan Amanah Raya yang mengalami kerugian. Mengikut laporan, terdapat kegagalan dalam pelaburan adalah akibat daripada *process due diligence* yang lemah lah ya, yang tidak mengambil kira kajian terhadap kedudukan rakan kongsi, status tanah, kajian pasaran dan kos pembangunan tidak dibuat *due diligence* yang teliti dan serta juga kelemahan pengurusan projek, itu antaranya.

Seterusnya, agihan pendapatan daripada KWB. Isu ketiga ya, ini agihan pendapatan daripada KWB yang dilaporkan menyatakan bahawa agihan pendapatan yang dibayar kepada pemegang dana hendaklah pada kadar munasabah dengan kelulusan Menteri. Bayaran hendaklah mengambil kira pendapatan KWB yang boleh dibahagikan dan kemampuan KWB. Itu ikut seksyen 27 Akta 532 lah ya.

Analisis audit terhadap agihan pendapatan mendapati walaupun KWB mengalami kerugian bersih pada tahun 2008 iaitu kerugian RM352.75 juta, agihan pendapatan kepada pemegang dana telah dibayar masing-masing sebanyak RM366 juta pada tahun 2008 dan RM231 juta pada tahun 2018. Walaupun mengalami kerugian bersih pun masih bayar dividen juga. Jadi, bagi tempoh 2008 hingga 2019 didapati bahawa agihan pendapatan pada pemegang amanah telah melebihi pendapatan bersih bagi tujuh tahun. Kalau tengok jadual itu ada tahun ya yang negatif pun Amanah Raya masih lagi membayar dividen ya.

**Tuan Pengerusi:** Datuk, hendak tanya. Amanah Raya Berhad ini dia di bawah JPM. So, dia di bawah Menteri mana? Dia *direct* dari Perdana Menteri atau Menteri di bawah portfolio mana?

**Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid:** Dulu dia di bawah JPM, sekarang dia di bawah Kementerian Kewangan lah. Akan tetapi masa berlaku itu bawah JPM.

**Encik Md. Adnan bin Abdullah:** Masa berlaku itu di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi sebab skopnya tahun 2016 *and then*, dia *between* lah sebab Kementerian Hal Ehwal Ekonomi *took over* daripada JPM pada Julai 2018.

**Tuan Pengerusi:** So, yang daripada tahun 2016 siapa Menteri yang *in charged*?

**Encik Md. Adnan bin Abdullah:** Tahun 2016 masih lagi di bawah JPM.

**Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid:** JPM lagi.

**Encik Md. Adnan bin Abdullah:** Tahun 2018 di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

**Tuan Pengerusi:** So, soalan saya jika di bawah KPM, dia *direct* di bawah Perdana Menteri kah atau *other* portfolio Menteri yang lain?

**Encik Md. Adnan bin Abdullah:** Bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

**Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid:** Akan tetapi siapa?

**Tuan Pengerusi:** Siapa, siapa?

**Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid:** Ada maklumat kah?

**Encik Md. Adnan bin Abdullah:** Tiada maklumat. Nanti saya cari...

**Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid:** Nanti kita semak Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih.

**Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid:** Minta maaf, kita tidak pergi begitu dalam macam itu Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Okey, okey.

**Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid:** Nanti kita *check*. Akan tetapi rasa bukan bawah Perdana Menteri ini rasanya, dia ada Menteri *portfolio* lain ya tetapi tidak apa, nanti kita semak. Saya teruskan.

Kita dapati bahawa agihan pendapatan yang dibayar kepada pemegang dana tidak mengambil kira kemampuan KWB selaras dengan akta. Tindakan ini seterusnya meningkatkan kerugian terkumpul KWB lah sehingga mencapai RM1.023 bilion seperti yang saya sebutkan tadi ya. Kita dapati juga tiada bukti menunjukkan ada kelulusan ataupun pertimbangan jawatankuasa pelaburan atau lembaga pengarah dalam memastikan kadar agihan pendapatan yang dibayar adalah munasabah dan mengambil kira kemampuan kewangan KWB. Makna tidak ada bukti dia rujuk kepada lembaga pengarah, tidak ada minit ataupun jawatankuasa pelaburan.

Seterusnya, isu keempat, Pelan Tindakan Pemulihan KWB. Kita dapati bahawa pelan tindakan kumpulan KWB diwujudkan bagi mengurangkan kerugian terkumpul KWB dan pemulihan sepenuhnya. Sudah ada pelan itu dan dijangka pemulihan sepenuhnya dapat dicapai pada tahun 2023. Prestasi dana Kumpulan Wang Bersama dipantau oleh lembaga pengarah melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Pemulihan KWB 2017-2022 ya. Namun, seperti yang saya katakan tadi ia tidak menjadi KPI tahunan syarikat dan Korporat Amanah Raya.

Berdasarkan kertas pembentangan kepada lembaga pengarah pada 30 September 2019, Amanah Raya menyasarkan penurunan kerugian terkumpul kepada RM492 juta dalam tempoh lima tahun iaitu sehingga tahun 2023 ya. Maklum balas terbaru kita dapati dari Amanah Raya adalah telah mengambil tindakan di mana KPI 2021 mengambil kira aspek prestasi kewangan KWB dengan menyasarkan pulangan direalisasikan melebihi kos dana, baru ambil kiralah.

Isu kelima, adalah perekodan dan penyimpanan maklumat. Kita dapati bahawa tiada spesifikasi yang ditetapkan bagi bilik fail. Yang ini juga penting kerana kita hendak pastikan wujud keselamatan di situ dan kita dapati dalam pengauditan itu ada yang - cawangan - ada disimpan fail itu adalah sebelah kedai itu adalah kedai restoran. Restoran mamak, ya. *[Ketawa]*

Jadi kalau sebelah restoran warung sahaja mesti masak. Kalau kebakaran mesti merebak ke kedai sebelah itu. Itu yang kita bimbang. Ia tiada spesifikasi. Jadi, maklum balas ia juga tidak dilengkapi dengan kawalan keselamatan, alat pencegah kebakaran, atau alat pengesahan kebakaran pun ia tidak ada. Tidak disebut spesifikasi. Seseengah, bila kita pergi *on the ground* itu pun, tidak ada juga.

Sistem amanah dan pusaka tidak mempunyai fungsi penyimpanan dokumen secara digital serta tidak merekodkan maklumat kronologi dan status tindakan penyelesaian fail. Kita dapati – itulah, perkara ini mungkin menimbulkan kelemahan juga itu di mana banyak yang tidak dapat dikesan, ya.

Maklumat yang kita terima adalah daripada AG *Dashboard* adalah SOP telah pun diterbitkan berkuat kuasa 1 Jun 2021. Baru jugalah. Yang lain-lain itu dalam

tindakan iaitu peringkat persediaan untuk mendapatkan kelulusan bomba. Sistem wasiat dan pusaka telah siap dan sudah diguna pakai bagi penyimpanan dokumen secara digital. Sistem pengurusan dokumen EDMS sedang dibangunkan. Dalam tindakanlah maknanya.

Seterusnya, isu keenam. Pengurusan dana tertanggung. Pengurusan dana tertanggung di bawah Pengurusan Amanah dan Pusaka. Pengurusan dana tertanggung wujud apabila tiada maklumat lanjut mengenai aset pusaka atau amanah dan waris. Keadaan ini berlaku apabila maklumat *beneficiary* tiada dalam rekod atau tidak dibekalkan kepada Amanah Raya Berhad. Waris juga tidak dapat dikesan, atau waris dapat dikesan tetapi waris tidak memberi kerjasama kepada Amanah Raya Berhad untuk meneruskan pentadbiran pusaka atau amanah.

Berdasarkan kedudukan akaun dana tertanggung, didapati jumlah dana menunjukkan trend meningkat sehingga 59.8 peratus dari tahun 2016 melibatkan 32,287 waris kepada 399.35 juta pada tahun 2019, melibatkan 36,000 waris. Keadaan ini menunjukkan peningkatan seperti yang dikatakan hampir 60 peratus tadi, ya.

**Tuan Pengerusi:** Datuk, dari siasatan audit oleh pihak Jabatan Audit Negara, apakah faktor yang menyumbang kepada dana tertanggung ini? *Is it the problem of the beneficiary* yang tidak membuat tuntutan, ataupun dari Amanah Raya Berhad?

**Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid:** Saya rasa, rekod itu tidak berapa lengkap, menyebabkan dia hendak cari itu tidak dapat cari data yang lengkap. Mungkin, alamat sudah berubah umpamanya, ataupun *details* yang tidak ada. Mungkin *team* boleh bagi dengan izin.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Encik Md. Adnan bin Abdullah:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, untuk dana tertanggung ini, *actually* puncanya adalah banyak faktorlah. Salah satu faktornya yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Ketua Audit Negara. Selain daripada itu, faktor-faktor lain yang menyumbang kepada dana tertanggung ini adalah berkaitan dengan *third party* ataupun orang ketiga, iaitu macam *beneficiary*-lah. Akan tetapi, secara keseluruhannya, kalau dikatakan pengurusan dana tertanggung ini, Amanah Raya Berhad *actually* telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa dana tertanggung ini jumlah itu mengalami penurunanlah. Salah satu daripada inisiatif yang dilaksanakan oleh Amanah Raya Berhad adalah menjalankan jejak waris. Itu adalah salah satu daripada inisiatif yang dijalankan. Tetapi, ia ada banyak faktor yang menyebabkan berlakunya dana tertanggung inilah.

**Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid:** Jadi, sebagai langkah dalam tindakan itu, ia telah menghubungi Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk

mengakses sistem myIDENTITY itu untuk mencari waris itulah. Akan tetapi, permohonan telah ditolak dan Amanah Raya Berhad sedang membuat rayuan untuk mengadakan perjumpaan untuk menyelesaikan perkara inilah. Sebab, kita dapati bahawa kalau melalui myIDENTITY itu ia boleh *trace*. JPN boleh *trace* siapa daripada si mati itu siapa yang anak sebenar – ada boleh *trace*-lah.

Semua nama *identity card* (IC) semua boleh dijejak dalam sistem itu. Akan tetapi, mungkin JPN tidak mahu memberi Kerjasama, sebab mungkin maklumat itu dianggap sebagai sulitkan. Jadi untuk itu – jadi Amanah Raya Berhad ini adalah syarikat. Jadi, kalau sama-sama jabatan kerajaan mungkin mudah tetapi, bila syarikat ini ia lain sedikit *treatment* dia, Yang Berhormat. Dalam tindakan lagilah.

Untuk makluman Yang Berhormat, ada lagi pusaka dari tahun 1900, masih belum selesai lagi. Maknanya, sekarang sudah seratus dua puluh tahun. Ada lagi kalau ikut rekod, ya. [Ketawa]

Okey, itu penemuan dari segi aktiviti, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Dan yang lain itu berkenaan dengan kedudukan kewangan. Kedudukan kewangan adalah stabil dari segi itu jadi tidak ada isulah. Kedudukan Amanah Raya Berhad itu sendiri, bukan yang wang Amanah. Tetapi, kedudukan kewangan itu adalah stabil jadi tidak menjadi isu. Kita pun tidak membuat teguran, ya. Selain itu, tidak ada isu. Jadi, itulah secara keseluruhan, ya. Jadi, boleh dirumuskan bahawa secara keseluruhannya rumusan audit adalah—objektif penubuhan Amanah Raya Berhad adalah tercapai, ya, berdasarkan pencapaian prestasi output dan *outcome* dalam tempoh 2016 - 2019 yang kita auditlah.

Amalan tadbir urus ataupun tadbir korporat Amanah Raya Berhad secara keseluruhan adalah memuaskan, walaupun adalah kelemahan-kelemahan tadi, ya – yang saya sebut tadi. Okey, pengurusan dana Kumpulan Wang Bersama tidak cekap sebab asyik makin rugi saja, kan? Asyik defisit sahaja. Pengurusan amanah dan pusaka adalah kurang cekap, ya. Kelima, kedudukan kewangan Amanah Raya Berhad adalah stabil.

Itu, dan akhir sekali syor. Kita mencadangkan enam syor. Iaitu pertama, menetapkan KPI bagi prestasi pelaburan dan pemulihan KWB. Ini telah diambil tindakan oleh *auditee*-lah. Yang kedua, mengkaji semula kadar agihan pendapatan yang munasabah, mengambilkira kemampuan kewangan KWB dan perlu mendapatkan pandangan dan kelulusan Lembaga Pengarah serta kelulusan Menteri bagi memastikan kemampunan dana terjamin. Yang ini, tiada tindakan oleh *auditee* lagi, kerana terikat dengan jaminan ataupun komitmen kepada pemegang amanah. Ia tidak *commit* lagi sebab ia sudah buat macam janji-janji bila ia terima dana daripada pelabur itu – daripada sesiapa yang mendapat perkhidmatan ia itu, ada jamin sekian-sekian pulangan. Ia tidak bagi komitmen sebab tidak boleh hendak ubah.

Yang ketiga, mewujudkan *taskforce* untuk menyelesaikan kes *backlogged* akaun pusaka dan akaun amanah yang terlalu lama sejak tahun 1900 lagi. Ini pun sedang diambil tindakan oleh pihak *auditee*.

Yang kelima, memastikan polisi pelaburan dikemas kini secara berkala dan mengambil kira keadaan semasa bagi tujuan pematuhan dan pemantauan pelaburan yang lebih jelas. Ini pun telah diambil tindakan oleh pihak *auditee*.

Yang keenam, melaksanakan Sistem Wasiat, Amanah dan Pusaka (SWAP) dan pembangunan sistem pengurusan dokumen (EDMF) bagi memastikan penyelesaian kes dan penyimpanan maklumat akaun amanah dan pusaka yang lebih efektif. Ini pun dalam tindakan pihak *auditee*, Yang Berhormat. Itu sahaja pembentangan saya.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih. So, mungkin dari sini, saya akan tempohkan mesyuarat kita untuk *I think, at least for 10 minutes*. Kita ada sedikit *pre-council* dengan Ahli-ahli semua, dan terima kasih saya ucapkan kepada Datuk Ketua Audit Negara yang telah pun memberikan satu penjelasan yang begitu mantap.

*I think, that would surely help us in the proceeding later. Okay, so in that case we will proceed with our pre-council. Thank you so much. Thank you.*

***[Mesyuarat dtempohkan selama 10 minit]***

***[Mesyuarat bersambung semula pada pukul 11.28 pagi]***





MALAYSIA

# LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Selasa, 3 Ogos 2021

BIL. 3(b) / 2021

MESYUARAT

**JAWATANKUASA**

**KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**Prosiding Mengenai:**

**AMANAH RAYA BERHAD**

**Kementerian Kewangan**

i) YBhg. Dato' Asri bin Hamidon, Ketua Setiausaha  
Perbendaharaan

**Amanah Raya Berhad**

ii) YBhg. En. Azmeen bin Adnan, Pengarah Urusan

**PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**



---

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA  
SELASA, 3 OGOS 2021**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Pengerusi*  
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]  
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]  
YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]  
YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort] - *Timbalan Pengerusi*  
YBhg. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin - *Setiausaha*  
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]  
YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]  
YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut]  
YB. Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang]  
YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]  
YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]  
YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]  
YB. Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Nurul Nadiha binti Zamani [Penolong Setiausaha Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Peguam Negara**

Tuan Allauddin bin Mohd Tahir [Ketua Unit Teknologi Maklumat dan Kewangan (Jusa C(M), Bahagian Penasihat)]

**Unit Perancang Ekonomi (UPE)**

Dr. Khalid A. Hamid [Pengarah (Bahagian Industri Perkhidmatan)]

samb/-

**HADIR BERSAMA** (*samb/-*)**Jabatan Akauntan Negara**

Puan Siti Mariam binti Mat Noh [Timbalan Ketua Penolong Pengarah Kanan]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**

Puan Salwa binti Muharam [Timbalan Pengarah (Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan)]

**SAKSI****Kementerian Kewangan**

YBhg. Dato' Asri bin Hamidon [Ketua Setiausaha Perbendaharaan]

Encik Faisal@Pisal bin Abdul Ghani [Setiausaha Sulit Kanan]

Encik Mohd Sakeri bin Abdul Kadir [Setiausaha Bahagian (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha (Unit Kawalan dan Pemantauan / Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Encik Muhammad Harith bin Abdul Rahim [Penolong Setiausaha (Unit Kawalan dan Pemantauan / Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

**Jabatan Audit Negara**

YBhg. Datuk Nik Azman bin Nik Abdul Majid [Ketua Audit Negara]

Tuan Haji Roslan bin Abu Bakar [Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat)]

Encik Md. Adnan bin Abdullah [Ketua Penolong Pengarah Audit]

Puan Noor Rozeelah binti Jaafar [Penolong Pengarah Audit (Seksyen 2)]

**Amanah Raya Berhad**

En. Azmeen bin Adnan [Pengarah Urusan]

Cik Aini Fariza binti Mohd Yusoff [Ketua Pegawai Kewangan]

Encik Kanakarajah A/L Muthusamy [Ketua Bahagian Pematuhan, Integriti dan Pengurusan Risiko]

Cik Haslina Junus [Ketua Bahagian Audit Dalam]

---

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KETIGA**

**Selasa, 3 Ogos 2021**

**Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.30 pagi**

*[Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

*[Mesyuarat bersambung semula pada pukul 11.28 pagi]*

**Tuan Pengerusi:** Salam sejahtera, *let me call the meeting to order*. Selamat pagi, salam sejahtera dan selamat datang saya ucapkan kepada ahli-ahli PAC sekalian. Ahli-ahli ex-officio PAC, dan juga pada pagi ini saya mengalu-alukan kehadiran yang berbahagia Dato' Asri bin Hamidon, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Yang Berusaha Encik Azmeen bin Adnan, Pengarah Urusan Amanah Raya. Yang Berusaha Cik Aini Fariza binti Mohd Yusoff, Ketua Pegawai Kewangan Amanah Raya. Terima kasih kerana hadir ke dalam prosiding PAC berhubung dengan Amanah Raya Berhad, pada pagi ini.

PAC memulakan prosiding berhubung Amanah Raya Berhad selepas ia dilaporkan dalam LKAN Tahun 2019 Siri 1 – Pengurusan Aktiviti Syarikat Kerajaan Persekutuan yang dibentangkan di Parlimen pada 7 November lepas.

Amanah Raya Berhad adalah sebuah syarikat berhad menurut syer milikan penuh MKD dengan model berbayar sejumlah RM6 juta. Sebelum ini, syarikat dikenali sebagai Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka telah ditubuhkan sejak tahun 1921. Genap 100 tahun yang lepas. Kemudian dikorporatkan dan beroperasi pada tahun 1995. Amanah Raya sebelum ini dikawal selia oleh JPM dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi sebelum diletak di bawah tanggungjawab MOF. Pihak Jabatan Audit Negara telah pun melaksanakan pengauditan terhadap sembilan aspek tadbir urus korporat bagi tahun 2016 sehingga Februari 2020. Selain itu pengauditan aspek pengurusan aktiviti pula meliputi pengurusan dana akaun Kumpulan Wang Bersama (KWB) serta pengurusan amanah dan pusaka bagi tempoh yang sama.

Dan sekiranya menurut Laporan Ketua Audit Negara, sejumlah RM1.023 bilion kerugian telah dicatat dalam akaun Kumpulan Wang Bersama. Dan mungkin ini merupakan satu isu penting bagi pihak PAC.

Berdasarkan nilai risiko, JAN telah memilih untuk melaksanakan pengauditan terhadap aktiviti pengurusan dana KWB kerana trend kemerosotan dana KWB sejak tahun 2008 melibatkan jumlah dana yang signifikan. Maka tanpa membuang masa, saya dengan ini menjemput Yang Berbahagia Dato' Asri, Ketua Setiausaha Perbendaharaan untuk memulakan pembentangan dan memberikan penjelasan kepada PAC. Dipersilakan, Yang Berbahagia Dato' KSP.

**Dato' Asri bin Hamidon [Ketua Setiausaha Perbendaharaan]:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Ahli-ahli Yang Berhormat barisan anggota PAC, Yang Berhormat Datuk, tuan, puan sekalian. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih atas jemputan untuk memberikan penjelasan mengenai isu-isu audit berkaitan dengan Amanah Raya Berhad.

Sekali lagi saya ingin memperkenalkan bersama-sama saya pada pagi ini ialah Encik Azmeen, Pengarah Urusan ARB dan juga Cik Aini Fariza Mohd Yusoff, CFO ARB. Latar belakangnya Tuan Pengerusi telah memberikan *very clear* latar belakang berkenaan dengan ARB modal berbayar dan kementerian yang bertanggungjawab.

ARB kini mempunyai 21 cawangan di seluruh Malaysia, 17 anak syarikat dan dua syarikat bersekutu yang mempunyai kepakaran khusus dalam bidang pasaran modal, pengamanahan korporat, pengurusan aset dan dana pelaburan hartanah.

Pelaksanaan aktiviti perkhidmatan perwarisan dilaksanakan di peringkat ARB, manakala pelaburan dana KWB dilaksanakan melalui syarikat subsidiari. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 1 terhadap ARB menyentuh mengenai, yang pertamanya tadbir urus SOP. Yang keduanya, tadbir urus jawatankuasa pencalonan dan imbuhan. Yang ketiganya, pencapaian output. Ini yang disebutkan oleh Tuan Pengerusi tadi, dana Kumpulan Wang Bersama yang telah mengalami pengurangan sejak 2008.

Yang keempatnya, pencapaian output iaitu pengurusan amanah. Yang kelimanya, perekodan dan penyimpanan maklumat amanah dan pusaka. Yang keenam, ialah aktiviti pengesanan benefisiari bagi pengeluaran akaun amanah. Yang ketujuh, pengurusan dana tertanggung dan pencapaian *outcome* pengurusan amanah dan pusaka. Secara ringkasnya ARB...

**Tuan Pengerusi:** Dato' KSP, boleh ulang sekali lagi berkenaan dengan berapa cawangan dan berapa anak syarikat yang ada. Tadi saya tak sempat untuk *jot down*. Itu satu.

Nombor dua, di bawah KWB ini, tadi Dato' KSP ada nyatakan ia dikendalikan oleh syarikat subsidiari Amanah Raya Berhad. So, syarikat subsidiari yang mana? Sila jelaskan dua perkara ini. Terima kasih.

**Dato' Asri bin Hamidon:** Okey. ARB kini mempunyai 21 cawangan di seluruh Malaysia, 17 anak syarikat dan dua syarikat bersekutu yang mempunyai kepakaran khusus terhadap bidang pasaran modal, pengamanahan korporat, pengurusan aset dan dana pelaburan hartanah.

Pelaksanaan aktiviti perkhidmatan perwarisan dilaksanakan di peringkat ARB, manakala pelaburan dana KWB dilaksanakan melalui syarikat subsidiarinya. *The details*, ARB akan bagi *briefing* berkaitan dengan Kumpulan Wang Amanah yang dilaksanakan melalui subsidiarinya.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih. Sila teruskan Dato'.

**Dato' Asri bin Hamidon:** Secara ringkasnya, ARB perlu memantapkan lagi aktiviti utama seperti Kumpulan Wang Bersama, pengurusan amanah dan pengurusan pusaka. Selain itu ARB juga perlu menambah baik *standard operating procedure* syarikat sedia ada yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara. Sebarang maklumat lanjut mengenai langkah-langkah yang telah diambil oleh syarikat akan dibentangkan oleh Pengarah Urusan Kumpulan ARB dan juga CFO sebentar lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, akhir kata, besar harapan kami di Kementerian Kewangan agar pembentangan ARB pada hari ini akan dapat menyampaikan gambaran yang lebih jelas kepada PAC tentang kedudukan sebenar syarikat dan segala usaha yang telah diambil bagi memastikan ARB sentiasa mengamalkan tadbir urus yang baik. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan minta kepada Encik Azmeen untuk meneruskan pembentangan.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Dato' KSP. Silakan Encik Azmeen Adnan.

**Encik Azmeen bin Adnan [Pengarah Urusan Kumpulan Amanah Raya Berhad]:** Selamat pagi Yang Berhormat Tuan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan yang terhormat-terhormat ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Saya Azmeen Adnan. Saya adalah Pengarah Urusan Kumpulan Amanah Raya Berhad. Saya telah memulakan tugas ini pada 1 Julai 2021. Bersama saya yang akan menolong juga adalah Cik Aini Fariza. Beliau adalah Ketua Pegawai Kewangan syarikat.

Kalau kita boleh ke slaid nombor empat ya. *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* Slaid ini menunjukkan dari tahun 1921, sampai di mana tahun 1995, di mana ARB diperbadankan. Sekarang ARB ada 21 cawangan seluruh Malaysia, 17 anak syarikat dan juga dua *associate companies*.

Dengan izin Tuan Pengerusi, kalau saya juga boleh menjelaskan dalam bahasa Inggeris ya?

**Tuan Pengerusi:** *Yes, please. Go ahead.*

**Encik Azmeen bin Adnan:** Kalau kita pergi tengok ke slaid nombor enam, terus ke slaid nombor enam. Ini adalah audit *issue* atau audit-audit yang berbangkit di mana kita menggunakan *AG Dashboard as a reference* dekat sini. Nombor satu adalah tadbir urus atau *standard operating procedure*. Penemuan Audit di sini adalah pindaan polisi arahan syarikat urus 001, tidak selaras dengan piagam lembaga pengarah. Yang ini kita telah menggantikannya dengan polisi tadbir urus Amanah Raya yang telah diluluskan dalam mesyuarat lembaga pengarah pada 11 Disember 2020.

Slaid seterusnya nombor tujuh. Berkenaan perkara yang sama juga mengenai tujuh pindaan polisi berkaitan kewangan, sumber manusia dan korporat yang disyorkan oleh jawatankuasa arahan syarikat supaya dikemukakan kepada lembaga pengarah masih belum diuruskan. Daripada tujuh pindaan polisi ini, dua telah diluluskan iaitu (iii), (iv) iaitu polisi penggunaan identiti korporat dan juga pengisytiharan harta oleh pegawai ARB. Selebihnya di dalam proses pengubahan atau menunggu untuk dibawa ke *board of directors*.

**Tuan Pengerusi:** Encik Azmi, berkenaan dengan penemuan Audit ini, Audit kata tujuh pindaan polisi berkaitan kewangan, sumber manusia dan sebagainya masih belum dikemukakan kepada lembaga pengarah. So, kesemua pindaan polisi ini, keputusan untuk pindaan polisi ini dibuat di peringkat mana?

**Encik Azmeen bin Adnan:** Di peringkat *management*.

**Tuan Pengerusi:** *Management?*

**Encik Azmeen bin Adnan:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Selepas itu bilakah kesemua pindaan ini dibuat? *So, we want to see the delay, how long?*

**Encik Azmeen bin Adnan:** *Okay, alright.* Kalau kita tengok slaid nombor tujuh, di bawah status terkini, hanya dua daripada tujuh pindaan polisi ini telah diluluskan oleh lembaga pengarah. So, dua polisi ini, *which is* polisi penggunaan identiti korporat Amanah Raya, *as well as the* pengisytiharan harta. *These two policies* dah diluluskan *at the board level*. *At the five level* ini, *alright*, dia belum diluluskan lagi oleh lembaga pengarah.

Sekarang kalau kita boleh *move to the next slide*, ini sambungan dia, Yang Berhormat, kalau tengok slaid nombor lapan ya. Selebihnya, lima ini, polisi sedang dalam pengubahan, iaitu perancangan sumber manusia, fi perkhidmatan, pendaftaran pembekal, polisi sumbangan, derma dan juga pemberian zakat.

Jawapan kami adalah draf polisi telah disediakan dan menunggu untuk diluluskan. Satu, di peringkat pengurusan, sebelum diangkat kepada jawatankuasa lembaga pengarah dan lembaga pengarah untuk kelulusan terakhir. Kalau Yang Berhormat, *for – If I can explain. First, is the management that we have to look at. Second, the other subcommittee, of board subcommittees, ya. Of course, you have the risk subcommittees, audit subcommittees and so forth. ICM, which is an investment subcommittee juga.*

Selepas itu, baru kita naikkan ke lembaga pengarah. *So, because* saya masih baru lagi dan sebelum saya bawakan ke lembaga pengarah, saya mesti akan tengok dulu *the* draf itu dululah untuk dibawa ke hadapan.

**Tuan Pengerusi:** *So,* yang pindaan polisi ini adalah dilaksanakan selepas penemuan audit atau sebelum?

**Encik Azmeen bin Adnan:** Selepas.

**Tuan Pengerusi:** Selepas?

**Encik Azmeen bin Adnan:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** *Okay, thank you.*

**Encik Azmeen bin Adnan:** Boleh saya teruskan, *Chairman?* Okey. Slaid nombor sembilan. Slaid nombor sembilan mengenai polisi pelaburan didapati tidak dikemas kini dengan lengkap. Polisi pelaburan sampai sekarang sedang dalam proses pengubahan. Kita, pihak pengurusan menyasarkan untuk dinaikkan...

**Tuan Pengerusi:** Maaf, Encik Azmeen. Saya hendak balik ke penemuan audit berkenaan dengan pindaan polisi itu. *I would like to know the timeline. You see, one of the ringkasan penemuan audit by the Auditor General, nombor satu adalah pindaan polisi tanpa kelulusan lembaga pengarah adalah bertentangan dengan tanggungjawab lembaga pengarah untuk menyemak semula dan meluluskan polisi syarikat. So,* soalan saya adalah sama ada penemuan audit pertama ini adalah berkaitan dengan tujuh pindaan polisi atau ia merupakan satu perkara yang berasingan?

**Encik Azmeen bin Adnan:** Saya boleh *give it to my CFO?*

**Tuan Pengerusi:** Boleh, sila, Puan Aini, ya? Cik Aini.

**Cik Aini Fariza binti Mohd Yusoff [Ketua Pegawai Kewangan, Amanah Raya Berhad]:** Terima kasih, Encik Azmeen dan Tuan Pengerusi. Apa yang JAN maksudkan di sini adalah polisi utama kita iaitu dinamakan Urus 01, di mana, di dalam urus tersebut ada menyatakan bahawasanya segala pindaan *material* yang *major*, yang bukan *administrative* perlu dibawa ke lembaga pengarah. Walau bagaimanapun, ada beberapa polisi baru yang kami luluskan di tahap arahan syarikat iaitu kami ada jawatankuasa arahan syarikat tetapi ini adalah di peringkat pengurusan.

Jadi, ada beberapa pindaan yang Jabatan Audit Negara telah *highlight*, bahawasanya ia perlu dibawa ke lembaga pengarah.

**Tuan Pengerusi:** *So, that means, these seven pindaan polisi already been highlighted by the Auditor General?*

**Cik Aini Fariza binti Mohd Yusoff:** *Yes.*

**Tuan Pengerusi:** *And as such, you are now taking the action to get it presented to the board.*

**Cik Aini Fariza binti Mohd Yusoff:** *Yes.*

**Tuan Pengerusi:** *Okay. So, my question is, for all this seven pindaan polisi, I mean, when was the decision been made by jawatankuasa arahan syarikat, which was picked up by the Auditor General in the report? Bilakah ia dibuat, tahun 2016 kah, 2017 kah, bila?*

**Cik Aini Fariza binti Mohd Yusoff:** *I cannot remember the date. Boleh saya panggil...*

**Tuan Pengerusi:** *Boleh, jika ada pegawai di luar yang boleh bantu, boleh minta masuk dan lepas itu, minta beliau untuk keluar dari bilik ini sekali lagi.*

**Cik Aini Fariza binti Mohd Yusoff:** *Terima kasih, Chairman.*

**Encik Azmeen bin Adnan:** *Chairman, pegawai ini adalah Head of Risk Management, for Amanah Raya Group, so he is on standby. Dengan izin, saya akan panggil...*

**Tuan Pengerusi:** *Sila, Encik Azmeen.*

**Encik Kanakarajah a/l Muthusamy [Ketua Bahagian Pematuhan, Integriti dan Pengurusan Risiko, Amanah Raya Berhad]:** *Okay, Chairman.*

**Tuan Pengerusi:** *Ya, sila. Sila bagi nama juga for Hansard purpose.*

**Encik Kanakarajah a/l Muthusamy:** *Okey. Nama saya Kanakarajah a/l Muthusamy. Saya ialah Ketua Bahagian Pematuhan, Integriti dan Pengurusan Risiko Kumpulan.*

**Tuan Pengerusi:** *Ya, sila. Do you know my question just now or you would like me to repeat?*

**Encik Kanakarajah a/l Muthusamy:** *Yes, please.*

**Tuan Pengerusi:** *So, I just repeat the question. Okay, so now, di bawah ringkasan penemuan audit, Ketua Audit Negara ada menyatakan pindaan polisi tanpa kelulusan lembaga pengarah adalah bertentangan dengan tanggungjawab lembaga pengarah untuk semak semula dan meluluskan polisi syarikat. Di hadapan kita, pembentangan oleh pihak Amanah Raya Berhad menyatakan bahawa ada tujuh pindaan polisi berkaitan kewangan, sumber manusia dan korporat yang disyorkan oleh jawatankuasa arahan syarikat perlu dikemukakan kepada lembaga pengarah. Okey?*



**Encik Kanakarajah a/l Muthusamy:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** So, tujuh pindaan ini tidak dikemukakan kepada lembaga pengarah. *My question is, bilakah ketujuh-tujuh pindaan polisi ini dibuat? Tahun bila agak-agak, tahun 2016 kah atau 2017 dan yes, tahun bila?*

**Encik Kanakarajah a/l Muthusamy:** Okey. Polisi itu dibuat lebih kurang tahun 2018, sebelum audit datang.

**Tuan Pengerusi:** Audit masuk bila, Datuk KAN boleh *confirm*-kan?

**Tuan Haji Roslan bin Abu Bakar:** Tahun 2018.

**Tuan Pengerusi:** Tahun 2018?

**Tuan Haji Roslan bin Abu Bakar:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** So, kesemua pindaan polisi ini dibuat sebelum audit masuk untuk membuat audit?

**Encik Kanakarajah a/l Muthusamy:** Betul.

**Tuan Pengerusi:** *Okay, my next question is – So, audit datang tahun 2018 and actually, I believe the audit process, it is not a one-way thing. There will be a two-way, yang mana audit, Jabatan Audit akan meminta dokumen, memberikan nasihat dari semasa ke semasa dan mengadakan exit conference.*

So, dari sana sampai sekarang, lebih kurang tiga tahun lebih dah. Okey. *Why are the five* polisi pindaan yang telah pun dibuat keputusan oleh jawatankuasa arahan syarikat, masih belum lagi dapat dimuktamadkan dan dibentangkan kepada lembaga pengarah? *From what I believe, before 2018, you all already have all the pindaan polisi on the table. Just that, you all never present it to the lembaga pengarah and now, after audit masuk, you all know that you must present it.* Kenapa masih mengambil satu masa yang lama untuk dibentangkan?

**Encik Kanakarajah a/l Muthusamy:** Ya. Selalunya selepas jawatankuasa membuat draf polisi tersebut, polisi tersebut perlu dibawa ke *subcommittee*, jawatankuasa, sama ada kalau dia berhubung dengan *investment*, pelaburan, dia kena pergi jawatankuasa pelaburan. Kalau dia berhubung dengan macam pembelian, perolehan, macam harta, dia kena pergi kepada jawatankuasa *Board Risk Integrity Management Committee* (BRMC). Kalau dia berkaitan dengan *human resource*, dia kena pergi jawatankuasa *nomination and remuneration*. So, dalam peringkat ini dia masih belum lagi peringkat— sebab itu masih belum pergi ke Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

**Tuan Pengerusi:** So, maksudnya pindaan polisi ini pada sebelum tahun 2018 sudah kuat kuasa kah belum?

**Kanakarajah a/l Muthusamy:** Belum.

**Tuan Pengerusi:** Belum?

**Kanakarajah a/l Muthusamy:** Kuat kuasa, belum. Akan tetapi, dia dah ada tetapi belum kuat kuasa.

**Tuan Pengerusi:** Okey, satu soalan saya hendak tanya kepada audit ya. Okey, memandangkan *all these policies have yet to take effect*, belum lagi berkuat kuasa. *What is the concern from the audit? That is only--To me, if what was said by ARB is true, it's just that the* pindaan polisi dicadangkan masih tidak kuat kuasa. *So, I haven't brought it to the Lembaga, that's why* ia belum mengambil efek. So, mungkin pihak audit boleh memberikan penjelasan sedikit dalam perkara ini.

**Tuan Haji Roslan bin Abu Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Pengauditan yang dijalankan adalah berdasarkan kepada kriteria yang kita gunakan. Kriteria yang kita gunakan adalah *handbook* yang telah digunakan sebagai panduan. Garis panduan untuk *good management*. Kita ada *handbook* yang kita katakan sebagai panduan untuk syarikat ikut. Jadi, *based on the handbook*, ada senarai polisi-polisi yang perlu diwujudkan oleh syarikat yang tidak ada dalam syarikat. Jadi, apabila pengauditan dijalankan, kita mendapati ada polisi-polisi yang sepatutnya ada, tidak ada. Jadi, sebab itu kita bangkitkan, kenapa tidak ada? Bila hendak diadakan? Sebab apa, kalau tidak ada polisi-polisi berkaitan dengan contohnya perancangan sumber manusia, perkhidmatan Amanah Raya, polisi penggunaan identiti korporat, dan sebagainya, maka, akan memberikan satu kepincangan kepada syarikat. Sebab tidak ada polisi ataupun polisi masih belum lagi diguna pakai. Jadi, bila tidak ada polisi, sukar untuk kita uruskan syarikat. Jadi, perjalanan pengurusan syarikat akan ada *loophole*, dengan izin.

*Loophole* ini bermakna kalau kita tidak ada satu polisi yang lengkap maka terdapat ruang untuk berlaku salah laku ataupun penyelewengan. Jadi, *the lesson* yang kita ambil daripada sini... bukan *lesson*. Makna kata, jika tidak ada peraturan polisi dan sebagainya, kemungkinan besar berlakunya penyelewengan itu akan lebih...risikonya lebih tinggi untuk berlaku. Jadi, sebab itu kita bangkitkan, ada polisi-polisi yang perlu disediakan, belum disediakan dan belum diangkat kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, *the last part is where I got confused*. Dua-dua polisi ini dicadangkan oleh pihak audit, ataupun merupakan pindaan polisi yang telah pun dibuat oleh pihak ARB tetapi tidak dibentangkan? *Which is which?*

**Tuan Haji Roslan bin Abu Bakar:** Dia sebenarnya Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Apabila kita melihat kepada kita punya senarai semak, kita berdasarkan kepada kriteria. Cuba bacakan kriteria itu. *[Merujuk kepada pegawai]* Kriteria yang—

Kalau kita lihat kepada Laporan Ketua Audit Negara, kita kata MKD *handbook* perenggan 1.9 menyatakan, sehingga 3.28 menyatakan “*syarikat hendaklah mempunyai SOP yang lengkap dan menyeluruh yang diluluskan oleh Lembaga,*

